PERMASALAHAN RUMAHTANGGA: KAJIAN DI UNIT UNDANG-UNDANG KELUARGA JABATAN AGAMA ISLAM DAERAH PETALING, SELANGOR

Raihanah Azahari*

ABSTRACT

A well fulfillment of domestic responsibilities by both husband and wife is a guarantee in building peace, tranquility, serenity, and harmony in a family. A neglect of this thing will definitely cause problem and conflict in a marriage. Using reference to the files of marital disputes complaint in Family Law Unit, Jabatan Agama Islam Selangor as a method of data collection, this article is trying to scrutinize types of marital conflict and demographic background of the clients as well.

PENGENALAN

Keluarga yang utuh dan mampu berfungsi dengan berkesan dapat membentuk sifat, tingkahlaku dan nilai yang terpuji di kalangan ahlinya. Kefungsian dan kesejahteraan keluarga boleh dicorakkan oleh pelbagai proses yang berlaku di kalangan ahli keluarga. Sebagai contohnya, interaksi dan transaksi suami-isteri dan ibubapa-anak merupakan satu proses yang penting dalam menentukan keutuhan dan keteguhan insitusi keluarga. Interaksi antara pasangan hidup mempunyai implikasi kepada kebahagiaan dan keharmonian rumahtangga. Ia seterusnya boleh memandu ke arah kesejahteraan sesebuah institusi keluarga [1]

Rozumah *et al.* juga menegaskan bahawa, komunikasi yang baik sangat berperanan dalam mempengaruhi keharmonian dan kestabilan sesebuah rumahtangga. Sebaliknya, komunikasi yang bermasalah atau tidak berkesan pastinya akan mencetuskan konflik dalam institusi keluarga yang terlibat. Selain faktor

---

* Pensyarah, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

1 Rozumah *et al.* (1999), *Pengantar Perkahwinan*, Serdang: UPM.

komunikasi, faktor pengurusan sumber juga boleh menyumbang kepada timbulnya konflik dalam keluarga yang mana ia disebabkan oleh kegagalan mengenalpasti dan menguruskan sumber dengan berkesan. Selain itu, dominasi kuasa yang melampau dalam sesebuah keluarga juga akan mewujudkan konflik yang serius.[2] Hamidah Abdul Rahman pula dalam artikelnya merekodkan bahawa antara faktor-faktor penyumbang kepada masalah keluarga ialah keadaan keluarga yang tidak stabil dan sering bertengkar, suami yang tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik, ilmu yang tidak lengkap tentang pengurusan rumahtangga, kurang pengetahuan agama, masalah komunikasi dalam keluarga, kecurangan pasangan, penderaan emosi, penghakisan rasa cinta, masalah kewangan serta cabaran zaman ini yang begitu kuat mempengaruhi kesejahteraan keluarga. [3]

Faktor-faktor yang telah disebutkan hanyalah sebilangan kecil sahaja di antara pelbagai faktor yang merupakan penyebab kepada tercetusnya permasalahan rumahtangga yang akhirnya boleh meyumbang kepada perceraian. Kajian ini dilakukan untuk melihat secara dekat faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada permasalahan rumahtangga.

METODE PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan sepenuhnya metode dokumentasi dengan rujukan khusus terhadap fail-fail aduan masalah rumahtangga yang dilaporkan di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling. Daerah Petaling merangkumi dua kawasan iaitu Petaling Jaya dan Shah Alam. Kajian ini telah memilih Shah Alam sebagai sampel untuk mewakili Daerah Petaling. Untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang faktor-faktor atau jenis-jenis permasalahan rumahtangga yang diadukan, satu borang maklumat kes telah dibentuk. Borang ini memuatkan maklumat tentang latar belakang pengadu dan yang kena adu. Ia terdiri dari maklumat demografi seperti umur, taraf pendidikan, pendapatan, jangka masa perkahwinan dan bilangan anak serta jenis-jenis aduan yang dibuat oleh pengadu. Untuk mendapatkan maklumat yang terkini tentang faktor-faktor tersebut hanya fail-fail kes bagi tahun 2003 sehingga 2005 yang dirujuk. Fail-fail kes ini kemudiannya disaring untuk mendapatkan fail kes yang lengkap dan yang memuatkan kesemua maklumat yang diperlukan. Kajian ini hanya mengambil seratus daripada fail-fail kes bagi mewakili setiap tahun kes yang dikaji.

---

2 *Ibid*

3 Hamidah Ab. Rahman (2006), "Faktor Penyumbang kepada Masalah Keluarga dan Perceraian; Kajian Kes di Johor" dalam Abd Rahim Abd Rashid *et al.* (2006), *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 13

Penganalisisan Data

Borang maklumat kes ini dianalisis secara kuantitatif melalui program SPSS menggunakan peratus dan kekerapan.

Dapatan Kajian

a- Latar Belakang Respoden

Taburan Jantina Responden Mengikut Kategori Aduan

Dari jumlah 300 orang responden seramai 96 orang atau 32.0% terdiri dari pengadu lelaki dan 204 (68%) orang pengadu terdiri dari wanita (lihat Jadual 1) dan sebaliknya mereka yang kena adu adalah terdiri dari 204 orang lelaki (68%) dan wanita yang kena adu hanyalah 96 orang atau 32%. Ternyata bahawa wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu. Kenyataan Ini menunjukkan bahawa wanita mungkin merasa lebih tertekan apabila berlakunya permasalahan rumahtangga. Kemungkinan juga mereka ialah golongan yang sentiasa teraniaya apabila berlakunya masalah rumahtangga. Dengan demikian mereka membuat aduan dengan harapan mendapat pembelaan terhadap penganiayaan yang dilakukan. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan yang tinggi berlakunya pengabaian tanggungjawab di kalangan para suami memandangkan jumlah mereka yang diadu adalah 204 orang atau 68%.

Jadual 1: Jantina pengadu

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	96	32.0
Perempuan	204	68.0
Jumlah	300	100.0

Jadual 2: Jantina yang kena adu

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	204	68.0
Perempuan	96	32.0
Jumlah	300	100.0

Sumber: Borang Maklumat Kes

Jadual 3 menunjukkan umur pengadu yang membuat aduan. Kebanyakan pengadu iaitu 151 orang atau 50.3% berumur dari 28 hingga 38 tahun. Seramai 64 orang pengadu atau 21.3% berumur antara 17 hingga 27 tahun. Jumlah peratusan mereka yang berkahwin pada umur 30an ialah 71.6%. Jumlah ini merangkumi ¾ dari jumlah kes yang dikaji dan agak tinggi kadarnya, ini bermakna seawal umur 20 – 30 tahun pasangan berkenaan telah berkahwin dan menghadapi masalah dalam perkahwinan mereka. Seramai 66 orang atau 22.0% terdiri dari mereka yang berumur 39 hingga 49 tahun. Selebihnya ialah mereka yang berumur 50 ke atas, iaitu seramai 28 pengadu atau 6.0%. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa tidak semestinya mereka yang telah berumur tidak menghadapi masalah dalam perkahwinan. Tren yang sama juga dirujuk kepada mereka yang kena adu. (lihat jadual 4) Kebanyakan mereka yang diadu terdiri dari individu yang berumur 28 hingga 38 tahun iaitu 141 orang atau 47.0%. 71 pengadu atau 23.7% mereka yang berumur di antara 39 hingga 49 tahun dan 57 pengadu berumur antara 17 hingga 27 tahun. 8.7% atau 26 pengadu berumur 50 tahun ke atas.

Jadual 3: Umur Pengadu

Umur	Kekerapan	Peratus
17-27	64	21.3
28-38	151	50.3
39-49	66	22.0
50-60	14	4.7
61-71	4	1.3
Jawapan tidak diperolehi	1	0.3
Jumlah	300	100.0

Jadual 4: Julat Umur yang kena adu

Julat umur	Kekerapan	Peratus
17-27	57	19.0
28-38	141	47.0
39-49	71	23.7
50-60	24	8.0
61-71	2	0.7
Jawapan tidak diperolehi	5	1.7
Jumlah	300	100.0

Jadual 5 dan 6 pula menunjukkan kadar pendapatan pengadu dan yang kena adu. Tidak banyak perbezaan tentang kadar pendapatan bagi kedua-dua kategori ini, kerana kebanyakan pengadu dan yang kena adu melibatkan mereka yang berpendapatan RM2000 kebawah iaitu 161 pengadu atau 53.7% dan pihak yang kena adu sebanyak 108 atau 56%. Namun kebanyakan yang kena adu tidak dapat dipastikan kadar pendapatannya, kerana dalam sesetengah kes hanya pengadu yang datang membuat aduan tanpa kehadiran yang kena adu. Pada kebiasaannya ia berlaku dalam kes-kes suami meninggalkan isteri, di mana isteri tidak dapat mengenalpasti pendapatan suaminya. 68 pengadu atau 22.7% berpendapatan RM1000 ke bawah, 93 atau 31.0% berpendapatan RM1000 hingga RM2000, hanya 14 pengadu berpendapatan RM3000 hingga RM4000 dan 10 daripadanya berpendapatan RM4000 hingga RM5000. 11 pengadu atau 3.6% berpendapatan RM6000 ke atas malah terdapat kalangan pengadu yang mempunyai pendapatan melebihi RM10000.

Jadual 5: Julat pendapatan pengadu

Julat pendapatan	Kekerapan	Peratus
<1000	68	22.7
1000-2000	93	31.0
2001-3000	32	10.7
3001-4000	14	4.7
4001-5000	10	3.3
5001-6000	5	1.7
6001-7000	1	0.3
7001-8000	4	1.3
9001-10000	4	1.3
>10000	2	0.7
Jawapan tidak diperolehi	67	22.3
Jumlah	300	100.0

Manakala pihak yang kena adu (lihat Jadual 6) pula terdiri dari mereka yang berpendapatan RM1000 ke bawah seramai 38 orang atau 12.7%, 90 orang atau 30% berpendapatan RM1000 hingga RM3000, 18 orang atau 6.0% berpendapatan RM3001 hingga RM5000, 18 orang atau 6.0% berpendapatan antara RM 5001 hingga RM10000, malah terdapat kalangan mereka yang berpendapatan antara RM10001 sehingga RM30000 meskipun peratusnya tidak tinggi iaitu seramai 4 orang atau 1.3%. Kenyataan ini menunjukkan bahawa tidak ada sesiapa yang terkecuali dari mengalami masalah dalam rumahtangga sama ada mereka

berpendapatan tinggi atau rendah. Namun demikian, kecenderungan untuk masalah timbul dikalangan mereka yang berpendapatan RM2000 ke bawah adalah tinggi. Ini bermakna faktor pendapatan menjadi isu yang mempengaruhi kestabilan rumahtangga.

Jadual 6: Julat pendapatan yang kena adu

Julat pendapatan	Kekerapan	Peratus
<1000	38	12.7
1000-2000	70	23.3
2001-3000	20	6.7
3001-4000	10	3.3
4001-5000	8	2.7
5001-6000	4	1.3
6001-7000	3	1.0
7001-8000	1	0.3
8001-9000	2	0.7
9001-10000	8	2.7
10001-20000	3	1.0
20001-30000	1	0.3
Jawapan tidak diperolehi	132	44.0
Jumlah	300	100.0

Ditinjau dari segi taraf pendidikan (Jadual 7) pula didapati mereka yang berkelulusan SPM atau MCE merupakan kelompok terbesar yang menjadi pengadu iaitu seramai 115 orang (38.3%), diikuti dengan 41 orang (13.7%) berkelulusan Sarjana Muda, 39 orang (13.0%) terdiri dari mereka yang memiliki Diploma. Seramai 21 orang (7%) berkelulusan sijil dan STPM, selebihnya iaitu 48 orang (16%) ialah mereka yang mempunyai kelulusan PMR, UPSR dan hanya bersekolah rendah dan 28 orang (9.3%) responden tidak menyatakan taraf pendidikan mereka. Terdapat juga kalangan pengadu yang terdiri dari mereka yang berpendidikan lebih tinggi sama ada sarjana atau Ph.D iaitu seramai 8 orang (2.7%). Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka yang berpendidikan tinggi juga tidak terkecuali dari membuat pengaduan atas permasalahan yang dihadapi. Meskipun kadarnya agak rendah namun peratusan ini menunjukkan adanya kecenderungan dari pihak-pihak berkenaan untuk merujuk kepada Unit Rundingcara bagi mendapatkan nasihat dan tidak cuba menyembunyikan masalah yang dihadapi.

Jadual 7: Taraf pendidikan pengadu

Taraf Pendidikan	Kekerapan	Peratus
Sekolah Rendah	5	1.7
UPSR	15	5.0
SRP/PMR/LCE	28	9.3
SPM/MCE	115	38.3
STPM	15	5.0
Sijil	6	2.0
Diploma	39	13.0
Sarjana Muda	41	13.7
Sarjana/PhD	8	2.7
Jawapan tidak diperolehi	28	9.3
Jumlah	300	100.0

Pola yang sama juga melibatkan mereka yang kena adu, kerana jumlah yang besar iaitu 111 orang (37.0%) adalah dari golongan mereka yang berkelulusan SPM. Manakala 33 (11.0%) orang dari mereka berkelulusan Diploma, 36 orang atau 12% berkelulusan sekolah rendah hingga menengah rendah. 8 orang (2.7%) dari yang kena adu berkelulusan sijil hingga STPM dan 76 orang tidak menyatakan taraf pendidikan mereka. Terdapat 29 orang (9.7%) dari mereka yang kena adu berpendidikan Sarjana Muda dan 7 orang mempunyai Ijazah lanjutan sama ada diperingkat Sarjana atau Doktor Falsafah. Data dalam Jadual 7 dan 8 ini juga menunjukkan bahawa mereka yang berpendidikan tinggi juga tidak terkecuali dari menghadapi masalah dalam rumahtangga. Bagaimanapun, ia menggambarkan bahawa mereka yang berpendidikan rendah lebih terdedah kepada kemungkinan berlakunya konflik rumahtangga. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kurang atau ceteknya pengetahuan mereka tentang kehidupan rumahtangga dan tahap pendidikan rendah secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan tahap pendapatan. Oleh yang demikian, kenyataan ini mengukuhkan lagi dapatan dalam jadual 5 dan 6 iaitu mereka yang berpendapatan rendah berkecenderungan tinggi menghadapi masalah dalam rumahtangga.

Jadual 8: Taraf pendidikan yang kena adu

Taraf pendidikan	Kekerapan	Peratus
Sekolah Rendah	1	0.3
UPSR	11	3.7
SRP/PMR/LCE	24	8.0
SPM/MCE	111	37.0
STPM	6	2.0
Sijil	2	0.7
Diploma	33	11.0
Sarjana muda	29	9.7
Sarjana/PhD	7	2.3
Jawapan tidak diperolehi	76	25.3
Jumlah	300	100.0

Jadual 9 di bawah pula menunjukkan bilangan anak kepada pengadu dan yang kena adu. Seramai 136 orang (45.3%) dari responden mempunyai bilangan anak antara satu hingga dua orang sepanjang perkahwinan mereka, 76 orang responden (25.4%) memilikki 3 hingga empat orang anak, 15 orang (5.0%) responden memilikki sehingga lima orang anak dan hanya seorang responden mempunyai sehingga 10 orang anak. Kenyataan ini menunjukkan kesemua pengadu dan yang kena adu mempunyai jumlah anak yang tidak lebih dari lima orang kerana 227 orang responden atau 75.7% dari mereka mempunyai bilangan anak dari satu hingga lima orang. Selebihnya 63 orang responden (21.0%) tidak memberikan kenyataan tentang bilangan anak yang ada. Bilangan ini termasuk juga mereka yang tidak mempunyai anak. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa 180 orang pasangan iaitu 60% yang merujuk kepada unit ini terdiri dari mereka yang mempunyai bilangan anak dari satu hingga tiga orang.

Jadual 9: Bilangan anak pengadu dan yang kena adu

Bilangan anak	Kekerapan	Peratus
1	69	23.0
2	67	22.3
3	44	14.7
4	32	10.7
5	15	5.0
6	5	1.7
7	4	1.3
10	1	0.3
Jawapan tidak diperolehi	63	21.0
Jumlah	300	100.0

Jadual 10 ialah data tentang tempoh perkahwinan bagi pihak-pihak yang mengadu dan yang diadu. Sebanyak 105 atau 35% dari pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga ialah mereka yang dalam tempoh perkahwinan di antara 1 bulan hingga 5 tahun. Hakikatnya, dalam tempoh berkenaan individu sebenarnya masih dalam proses mengenali dan menyesuaikan diri masing-masing dengan pasangannya dan alam rumahtangga yang baru dibina. Kegagalan untuk mengenali dan menyesuaikan diri menyebabkan mereka menghadapi kebuntuan dalam rumahtangga. Terdapat perkara-perkara yang remeh seperti tidak mengingati hari lahir pasangan, kegemaran yang berbeza dan tidak mengambil berat tentang kekemasan dan ketrampilan diri dijadikan sandaran untuk berkonflik. 72 pasangan atau 24% mereka yang menghadapi masalah ialah mereka yang dalam tempoh perkahwinan 6-10 tahun. Data ini menunjukkan bahawa peratus paling tinggi bagi pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga iaitu 59% ialah mereka yang dalam tempoh perkahwinan 10 tahun ke bawah. Kenyataan ini bukanlah suatu yang menghairankan, kerana ia adalah fakta yang telah ditunjukkan oleh beberapa kajian sebelum ini, di mana kebanyakan pasangan yang menghadapi masalah rumahtangga ialah mereka yang berkahwin dalam tempoh 10 tahun ke bawah. [4]38 pasangan atau 12.7% berkahwin antara 11 – 15 tahun, 17 pasangan berkahwin antara 16-20 tahun dan selebihnya 21 pasangan atau 7% mereka yang menghadapi masalah rumahtangga terdiri dari pasangan yang telah berkahwin dalam tempoh 20 – 45 tahun. Sebanyak 47 atau 15.7% tidak menyatakan tempoh perkahwinan mereka. Menjadi kenyataan yang agak mengecewakan apabila mereka yang berkahwin

---

[4] Lihat Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi (2006), "Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Isteri Di Kalangan Orang Melayu", dalam Abd Rahim Abd Rashid *et al.*, *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 78

dalam tempoh 11 – 20 tahun (55 pasangan atau 36.7%) menghadapi masalah dalam rumahtangga. Dalam tempoh 10 tahun ke atas pasangan sepatutnya telah matang dan berpengalaman dalam perkahwinan, namun demikian kenyataan menjadi sebaliknya di mana mereka antara peratus tertinggi menghadapi masalah rumahtangga. Kemungkinan kursus-kursus selepas perkahwinan seperti pemantapan perkahwinan dan keibubapaan adalah berkeperluan tinggi bagi mengatasi masalah ini.

Jadual 10: Julat Tempoh Perkahwinan

Tempoh Perkahwinan	Kekerapan	Peratus
1 bulan -5 tahun	105	35.0
6-10 tahun	72	24.0
11-15 tahun	38	12.7
16-20 tahun	17	5.7
20-25 tahun	8	2.7
26-30 tahun	6	2.0
31-35 tahun	6	2.0
41-45 tahun	1	.3
Jawapan tidak diperolehi	47	15.7
Jumlah	300	100.0

b- Jenis-Jenis Aduan Masalah Rumahtangga

i- Aduan Terhadap Suami

Jadual 11 dibawah menunjukkan terdapat 28 jenis aduan yang dibuat oleh isteri atas beberapa sikap dan tindakan suami yang akhirnya mencetuskan masalah dalam rumahtangga. Antara aduan yang paling banyak dikemukakan ialah tentang kegagalan suami memberikan nafkah kepada isteri sama ada nafkah sara hidup atau nafkah batin iaitu sebanyak 104 aduan. Dari 104 aduan ini, terdapat hanya 30 aduan melibatkan kegagalan memberikan nafkah batin dan selebihnya ialah gagal memberikan nafkah zahir. Kebanyakan kes-kes kegagalan memberikan nafkah melibatkan suami yang berpoligami, meninggalkan isteri atau menghilangkan diri. Suatu yang perlu dimaklumi bahawa tanggungjawab nafkah adalah di bawah bidangkuasa suami. Kegagalan memberikan nafkah akan menyebabkan kehidupan rumahtangga menjadi kucar kacir. Selain dari kegagalan memberikan nafkah, sikap suami yang suka menjalinkan hubungan dengan perempuan lain juga turut menyumbang kepada permasalahan rumahtangga. Sebanyak 50 aduan dibuat

terhadap suami yang menjalinkan hubungan dengan perempuan lain. Terdapat aduan dari pihak isteri yang menunjukkan bahawa suami mereka bukan sahaja mempunyai hubungan luar tetapi juga melibatkan perzinaan. Kenyataan ini merupakan satu petunjuk tentang gejala yang menimpa institusi keluarga Melayu muslim. Sepatutnya perkahwinan mampu mengekang individu dari melakukan perkara-perkara buruk, namun sebaliknya berlaku. Dalam hal ini, semua pihak terutama individu yang ingin berkahwin seharusnya mempersiapkan diri dengan pengetahuan sama ada keagamaan atau kekeluargaan bagi menempuh alam rumahtangga. Pihak-pihak yang berkaitan seperti institusi-institusi keagamaan juga perlu mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah ini. Selain itu, aduan terhadap suami yang gagal memberikan kasih sayang, juga agak tinggi iaitu sebanyak 43 aduan dan ia berkait rapat dengan aduan terhadap sikap suami yang suka memukul isteri.

Jadual 11: Jenis-Jenis Aduan Terhadap Suami

Bil	Jenis-Jenis Aduan Terhadap Suami	Kekerapan
1	Suami tidak memberi nafkah	104
2	Suami ada perempuan lain	50
3	Suami tidak beri kasih sayang yang sempurna	43
4	Suami pukul isteri	42
5	Poligami	34
6	Suami panas baran	27
7	Suami tinggalkan isteri	25
8	Suami abaikan tanggungjawab agama	19
9	Tinggal berasingan	16
10	Kurang komunikasi	14
11	Suami halau isteri	12
12	Isteri tidak dihormati	11
13	Suami penagih dadah/ubat batuk	11
14	Suami tiada kerja tetap/ tidak bekerja	9
15	Suami menipu	8
16	Suami berhutang	8
17	Suami menghina	7
18	Isteri didera mental	6
19	Suami jarang pulang ke rumah	6
20	Suami ego	4
21	Tiada kemesraan dengan anak	4
22	Banyak habiskan masa dengan orang lain	4
23	Suami minum arak	3
24	Suami menghilangkan diri	3
25	Suami mengamalkan ajaran sesat	3

26	Tidak tahan dengan anak tiri	3
27	Suami kurang membantu dalam urusan rumahtangga	2
28	Suami rogol anak	1
	Jumlah Aduan	**479**

Daripada Jadual 11 didapati bahawa 34 aduan dibuat berkaitan dengan suami yang berpoligami. Meskipun ia tidak mencapai 10% dari semua jenis aduan tetapi ia tidak menafikan kenyataan bahawa poligami juga merupakan penyumbang terhadap masalah kekeluargaan. Kebanyakan aduan tentang poligami dibuat oleh isteri pertama yang diabaikan oleh pihak suami. Secara tipikalnya, apabila berlaku poligami akan timbul masalah-masalah sampingan seperti pengabaian nafkah terhadap isteri dan anak-anak serta isteri ditinggalkan tanpa diberikan hak-hak yang sepatutnya.

Selebihnya aduan tentang sikap suami yang panas baran iaitu sebanyak 27 aduan, 25 aduan terhadap suami yang meninggalkan isteri, 19 aduan bagi suami yang mengabaikan tanggungjawab agama. Dalam konteks ini ia melibatkan perlakuan suami yang tidak sembahyang atau puasa. Tinggal berasingan juga turut menjadi penyumbang kepada masalah rumahtangga iaitu 16 aduan. Dalam hal ini ia melibatkan suami dan isteri yang tinggal berjauhan disebabkan oleh faktor pekerjaan. Terdapat kalangan isteri yang meskipun diminta oleh suami untuk berhenti kerja dan tinggal menetap bersamanya, tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana faktor tanggungan terhadap keluarganya sendiri. Begitu juga dengan suami yang bekerja di tempat lain dan tidak membawa keluarganya tinggal bersama. Kecenderungan ini akhirnya mengundang masalah dalam rumahtangga apabila suami atau isteri tidak dapat mengawal diri mereka dan terlibat dalam hubungan dengan lelaki atau perempuan lain. Ia juga kadang-kadang melibatkan pengabaian suami terhadap tanggungjawab rumahtangga, dengan tidak memberikan nafkah dan sebagainya. Isteri juga adakalanya tidak mampu menguruskan rumahtangga bersendirian kerana banyak fungsi yang harus dilaksanakan jika suami tiada bersama. Selebihnya ialah permasalahan yang kesemuanya mencapai 28 jenis aduan.

ii- Jenis-Jenis Aduan Terhadap Isteri

Selain dari aduan yang dikemukakan oleh isteri terhadap suami, terdapat aduan-aduan yang dibuat oleh suami terhadap isteri. (**Lihat Jadual 12**). Ia melibatkan 36 aduan tentang sikap isteri yang keluar rumah tanpa izin suami. Kebanyakan kes-kes keluar rumah tanpa izin berlaku disebabkan oleh perselisihan yang timbul diantara suami isteri yang akhirnya membawa kepada tindakan isteri yang keluar dari rumah sama ada kembali ke rumah ibu bapanya atau tinggal berasingan di tempat lain.

Sebanyak 24 aduan dibuat terhadap isteri yang gagal menunaikan haknya sebagai isteri, dengan tidak memenuhi tanggungjawab rumahtangga, seperti menjaga anak, memasak dan mengemas rumah. Selain dari itu tidak melayan keperluan suami dan anak-anak serta mengingkari atau nusyuz terhadap suami. Ia melibatkan sebanyak 22 aduan. Terdapat juga aduan isteri yang menjalinkan hubungan dengan lelaki lain iaitu sebanyak 19 aduan. Kebanyakan kes–kes sebegini melibatkan isteri-isteri yang tidak mendapat layanan yang sempurna dari suami mereka. Ia pada peringkat awalnya hanya menjadi teman untuk mencurahkan masalah, tetapi pada akhirnya berubah menjadi hubungan yang intim dan seterusnya menjadi masalah kepada pasangan tersebut. Aduan-aduan lain seperti isteri suka meminta cerai sebanyak 11 aduan, isteri suka menghabiskan masa di luar bersama kawan-kawan sebanyak 7 aduan dan hanya terdapat 4 aduan tentang sikap isteri yang suka mengungkit-ungkit terhadap suami seperti tidak mampu dari segi kewangan.

Jadual 12: Jenis-Jenis Aduan Terhadap Isteri

Bil	Jenis-Jenis Aduan	Kekerapan
1	Isteri keluar rumah tanpa izin	36
2	Isteri tidak tunaikan hak	24
3	Isteri ingkar suami	22
4	Isteri mempunyai hubungan dengan lelaki lain	19
5	Isteri meminta cerai	11
6	Isteri bergaul bebas dengan rakan di luar	7
7	Isteri mengungkit	4
	Jumlah Aduan	**123**

iii- Aduan Yang bukan melibatkan suami dan isteri

Selain dari masalah yang ditimbulkan oleh suami atau isteri terdapat juga aduan yang dibuat berkaitan pihak ketiga iaitu sebanyak 26 aduan. Pihak ketiga dalam konteks ini selalunya melibatkan ibu bapa kepada pasangan tersebut dan juga mereka yang bukan dari kalangan ahli keluarga pasangan seperti kekasih, teman lelaki atau teman wanita bagi pasangan berkenaan.

Jadual 13: Aduan Terhadap pihak Ketiga

Bil	Aduan	Kekerapan
1	Campurtangan Orang Ketiga	26

KESIMPULAN

Secara jelasnya masalah rumahtangga dalam skala yang rendah adalah sebahagian dari proses yang mematangkan individu dan pasangannya. Tetapi jika ia berubah menjadi penyumbang kepada perceraian dan keruntuhan institusi keluarga serta menjadi punca kepada berleluasanya gejala sosial dalam masyarakat maka ia perlu ditanggani secara bijak. Pasangan yang akan berumahtangga perlu mempersiapkan diri sama ada fizikal atau spiritual untuk menempuh alam rumahtangga. Data-data yang terkumpul di atas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pengabaian tanggungjawab terutamanya oleh suami telah mengakibatkan permasalahan rumahtangga yang serius. Pada dasarnya, dapatan yang diperolehi dari kajian ini boleh memberikan manfaat kepada pihak-pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk merancang program bagi menanggani masalah ini dan seterusnya menjamin keutuhan institusi kekeluargaan Islam.